BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK, UiTM

اقرأ

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Perpustakaan Tun Abdul Razak

# IQRA'

Bil. 6/2022
JUN
eISBN : 2735-1920




Kunjungan Hormat PTAR Ke Atas Pengarah BHEI
PTAR SHAH ALAM - m/s 5




Program Transit Ilmu Bil. 2/2022
PTAR ALOR GAJAH - m/s 14




Program Penyediaan Profil Penyelidik
PTAR MACHANG - m/s 19




Gotong-Royong Pelupusan Perabot
PTAR PULAU PINANG - m/s 22




Program Read@UiTM PTAR Seri Iskandar 2022
PTAR SERI ISKANDAR - m/s 30

## PROMOSI@PTAR







Hak Cipta Terpelihara © 2022 Perpustakaan Tun Abdul Razak

# LAWATAN MOCK AUDIT & AKREDITASI PROGRAM *"BACHELOR OF ENGINEERING (HONS.) CIVIL (INFRASTRUCTURE)* – EC221 KE PTAR P. PINANG 21 JUN 2022

*Disediakan oleh: Rafidah binti Muhamad Sam*




*PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTMCPP) Kampus Permatang Pauh telah menerima kunjungan lawatan Mock Audit & Akreditasi bagi program "Bachelor of Engineering (Hons.) Civil (Infrastructure) – EC221 pada 21 Jun 2022. Lawatan ini telah diketuai oleh Ir. Dr. Mustaqqim bin Abdul Rahim daripada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), diiringi oleh Prof. Madya. Ir. Dr. Zakaria Hussain daripada Pengajian Kejuruteraan Elektrik serta beberapa orang wakil Pengajian Kejuruteraan Awam UiTMCPP.*

*Sepanjang sesi lawatan audit tersebut, Timbalan Ketua Pustakawan Puan Hayati Mokhtaram bersama 2 orang Pustakawan menjawab beberapa soalan yang dikemukakan serta memberikan penerangan ringkas mengenai perkhidmatan perpustakaan. Di akhir lawatan, pemeriksaan alat pemadam api serta laluan kecemasan di PTAR turut dijalankan bagi memastikan bangunan perpustakaan ini selamat digunakan.*





